

Headline	Subsidi haji 22,320 jemaah tahun ini RM130 juta		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	27 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	178,211
Page No	15	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	472 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,329
Frequency	Daily	PR Value	RM 27,986



Subsidi haji 22,320 jemaah tahun ini RM130 juta

KUALA LUMPUR 26 Jun - Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) akan menanggung jumlah keseluruhan subsidi haji untuk kesemua 22,320 jemaah pada tahun ini sebanyak RM130 juta berbanding RM120 juta pada tahun lalu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, penambahan subsidi itu bagi membolehkan kos haji kekal pada RM9,980 berbanding kos sebenar sebanyak RM16,115 seorang.

Menurut beliau, ini bermakna setiap jemaah diberikan pengurangan bayaran sebanyak RM6,175 berbanding RM5,775 pada tahun sebelumnya.

"Kos subsidi ini melibatkan kos pengangkutan, penginapan dan makanan, tidak termasuk kos-kos

lain seperti ubat-ubatan dan sebagainya sepanjang musim haji yang akan bermula 27 Ogos depan.

"Oleh itu kita harap para jemaah dapat mengambil perhatian sewajarnya segala pertimbangan ini dengan menjaga nama baik negara ketika di Mekah dan Madinah kerana jemaah haji Malaysia mendapat pengiktirafan terbaik dari segi persiapan, latihan amali serta disiplin mereka ketika di sana," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Sahabat Korporat Tabung Haji 2014, di sini hari ini.

Dalam pada itu, Jamil Khir berkata, sebanyak 41 syarikat korporat telah memberi sumbangan untuk kemudahan para jemaah pada tahun ini melibatkan nilai keseluruhan sebanyak RM10

juta.

Katanya, sumbangan yang diberikan itu adalah berbentuk wang tunai, barangan keperluan jemaah seperti vitamin, beg beroda serta pek kesihatan selain untuk kegunaan hospital-hospital Malaysia di

tanah suci.

Jelas beliau, antara penyumbang utama yang terlibat ialah Yayasan Felda, Maybank Islamic Berhad dan Lembaga Zakat Selangor.

"Sumbangan ini bukan sahaja memberikan pulangan berbentuk pendedahan jenama kepada syarikat terlibat, tetapi apa yang lebih utama ialah pulangan atau ganjaran lebih baik yang diberikan Allah," katanya.



JAMIL Khir Baharom (tengah) bersama wakil sahabat korporat Tabung Haji semasa Majlis Sahabat Korporat Tabung Haji 2014 di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/FITRI AZHAR (PELATIH UNISEL)